



**KETUA PENGARAH KERJA RAYA**  
**Jabatan Kerja Raya Malaysia**  
Tingkat 33, Menara Kerja Raya (Blok G)  
Ibu Pejabat JKR Malaysia  
Jalan Sultan Salahuddin  
50480 Kuala Lumpur



Telefon : (03) 2618 8421  
Faks : (03) 2618 8799  
Laman Web : <https://www.jkr.gov.my/>

Rujukan: JKR-KPKR:121.010/05 Jld.2( 11 )  
Tarikh: 10 Disember 2015

**Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR**

**Semua Pengarah Kerja Raya Negeri**

**Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan**

**Semua Pengarah / Pengurus Pembinaan**

**Pengarah JKR Unit Khas**

**Pengarah JKR KESEDAR**

**Semua Jurutera Daerah**

**SURAT PERINGATAN: PEMATUHAN TERHADAP WAKTU MAKAN/MINUM  
SEMASA WAKTU PEJABAT**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010 telah menetapkan tiga (3) Waktu Peringkat (WP) iaitu WP1, WP2 dan WP3. Namun demikian, berdasarkan kepada pemerhatian sebelum ini mendapat terdapat pegawai yang tidak mematuhi sepenuhnya peraturan berhubung waktu keluar makan/minum dalam lingkungan waktu pejabat. Keadaan ini bukan sahaja menjelaskan produktiviti dan kualiti kerja, malah turut memberi kesan negatif kepada imej Kementerian secara amnya, dan imej Jabatan secara khususnya.

3. Adalah diperingatkan bahawa, seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2010, waktu keluar makan dan minum seharusnya dilakukan semasa waktu rehat. Oleh itu, semua pegawai digalakkan menggunakan pantri yang diwujudkan di setiap Bahagian bagi mengelakkan mereka keluar pada waktu pejabat.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004  
CERT. NO.: ER 0281

4. Tindakan yang tegas akan diambil oleh pihak Pengurusan Atasan JKR ke atas pegawai yang bertanggungjawab sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap peraturan waktu makan/minum semasa waktu pejabat ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATUK IR. ADANAN BIN MOHAMED HUSSAIN)**

- s.k. - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)  
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)  
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)  
- Pengarah, Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat